

Kempen ASB Plus 2.0 2026 ("Kempen")

Soalan Lazim ("FAQ")

1. Apakah Kempen "ASB Plus 2.0"?

ASB Plus 2.0 ialah kempen pelaburan khas yang membolehkan pelabur menikmati pulangan tambahan sebanyak **1% setahun** dengan melabur dalam dana **Harga Tetap (FP)** iaitu **ASB atau ASB 2**, yang digabungkan bersama dana **Harga Berubah (VP)** iaitu **ASN Equity 5 atau ASN Imbang 2**.

Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB").

2. Bilakah tempoh Kempen ini?

Kempen ini akan berlangsung dari **jam 00:00 (GMT +8) pada 1 September 2026** hingga **jam 23:59 (GMT +8) pada 24 Disember 2026**.

3. Bagaimanakah pakej/ bundle ASB Plus ini berfungsi? Apakah pakej atau kombinasi dana yang ditawarkan?

- i. **60%** dilaburkan dalam **ASB atau ASB 2**
- ii. **40%** dilaburkan dalam **ASN Equity 5 atau ASN Imbang 2**

No. Pakej	Kategori Unit Amanah	Nama Unit Amanah	Nisbah Pelaburan	Tempoh Terkunci
1	Unit Amanah FP	ASB	60%	12 bulan
	Unit Amanah VP	ASN Equity 5	40%	N/A
2	Unit Amanah FP	ASB	60%	12 bulan
	Unit Amanah VP	ASN Imbang 2	40%	N/A
3	Unit Amanah FP	ASB 2	60%	12 bulan
	Unit Amanah VP	ASN Equity 5	40%	N/A
4	Unit Amanah FP	ASB 2	60%	12 bulan
	Unit Amanah VP	ASN Imbang 2	40%	N/A

4. Siapakah yang layak melabur dalam ASB Plus?

Kempen ini terbuka kepada semua pemegang unit Akaun Dewasa dan/atau Akaun Remaja/Bijak yang baharu dan sedia ada bagi Unit Amanah Terpilih (seperti yang ditakrifkan di bawah) termasuk kakitangan serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan dan anak-anak) Permodalan Nasional Berhad (197801001190 (38218-X)) dan kumpulan syarikatnya ("Kumpulan PNB").

5. Apakah syarat kelayakan untuk menyertai ASB Plus?

Peserta perlu membuat pelaburan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000.00).

6. Apakah jumlah maksimum pelaburan untuk ASB Plus?

Tiada had maksimum pelaburan bagi setiap pelaburan pakej ASB Plus. Walau bagaimanapun, semua pelaburan tertakluk kepada ketersediaan unit individu untuk pembelian dalam ASB/ASB 2 serta had transaksi di saluran masing-masing, jika berkenaan.

7. Adakah terdapat "Tempoh Terkunci" (lock-in period)?

Ya. Hanya jumlah pelaburan dalam **dana Harga Tetap (FP)** iaitu **ASB atau ASB 2** tertakluk kepada **tempoh terkunci selama 12 bulan** dari tarikh pelaburan. Tiada tempoh terkunci bagi **dana Harga Berubah (VP)** iaitu **ASN Imbang 2 atau ASN Equity 5**.

8. Bolehkah saya mengeluarkan pelaburan sebelum "Tempoh Terkunci" tamat?

Tidak. Pelaburan dana harga tetap yang dibuat di bawah ASB Plus dikunci sehingga tempoh terkunci berakhir. Oleh itu, pengeluaran tidak dibenarkan.

9. Di manakah saya boleh melabur ASB Plus?

Pelaburan boleh dibuat melalui portal myASNB, aplikasi mudah alih myASNB, dan cawangan ASNB.

10. Bolehkah saya melanggan melalui Skim Pelaburan Ahli KWSP (EPF-MIS)?

Tidak. Langganan ASB Plus melalui Skim Pelaburan Ahli KWSP (EPF-MIS) adalah tidak dibenarkan.

11. Bolehkah saya melanggan ASB Plus menggunakan pelaburan pinjaman?

Tidak. Langganan ASB Plus menggunakan pelaburan pinjaman adalah tidak dibenarkan.

12. Adakah saya perlu mempunyai baki unit sedia ada bagi Dana Harga Tetap dan/atau Dana Harga Berubah yang ditawarkan dalam ASB Plus?

Tidak. Anda tidak perlu mempunyai baki unit sedia ada bagi dana yang termasuk dalam pakej ASB Plus yang dipilih.

13. Apakah yang dimaksudkan dengan “Pulangan Tambahan”?

Pulangan Tambahan ialah **pulangan** yang akan diperoleh oleh peserta bagi **bahagian Dana Harga Tetap** dalam pakej yang dipilih. Pulangan tambahan ini adalah sebanyak **1.00% setahun** dan akan dibayar dalam bentuk **unit ASB atau ASB 2**.

14. Bilakah saya akan menerima “Pulangan Tambahan”?

Enhanced Return akan dikreditkan ke dalam akaun Dana Harga Tetap anda pada **tarikh agihan pendapatan dana tersebut**.

15. Adakah terdapat Caj Jualan yang terlibat?

Ya. Terdapat **Caj Jualan Permulaan (Initial Sales Charge)** sebanyak **1.75%** bagi **ASN Imbang 2** dan **ASN Equity 5**. Tiada caj jualan dikenakan bagi **ASB / ASB 2**.